KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	02.06.22	MUKA SURAT	:	31
JABATAN	:	TNB			

Gangguan bekalan elektrik bongkar kegiatan perlombongan bitcoin

SEPANG: Aduan daripada orang awam yang sering berhadapan dengan gangguan bekalan elektrik di Kota Warisan di sini akhirnya membawa kepada pembongkaran kegiatan mencuri elektrik bagi melombong mata wang digital, bitcoin.

Bertindak atas aduan dan intipan yang dijalankan, Suruhanjaya Tenaga (ST) semalam menyerbu empat buah premis rumah kedai yang dijadikan lubuk mesin bitcoin menerusi sebuah operasi yang dijalankan bermula pukul 10 pagi.

Timbalan Pengarah Unit Perancangan dan Penyelerasan Penguatkuasaan ST, Ahmad Tazmin Mohd. Noordin berkata, siasatan mendapati sindiket berkenaan menjalankan operasi haram itu di antara Disember tahun lalu hingga Mei dengan jumlah kerugian yang ditanggung Tenaga Nasional Berhad (TNB) sekitar RM30,000 sebulan bagi setiap premis.

"TNB anggarkan jumlah kerugian yang ditanggung akibat kecurian elektrik secara haram itu kira-kira RM30,000 di setiap premis, jadi, jumlah keseluruhan bagi empat buah premis untuk tempoh enam bulan adalah sekitar RM720,000.

"Aktiviti kecurian elektrik oleh sindiket bitcoin ini bukan sahaja membahayakan nyawa orang awam, malah, ia turut menjejaskan industri elektrik.

"Oleh itu, kita sarankan kepada mana-mana pihak yang mendapati terdapat gangguan atau pemasangan secara haram dapat melaporkannya kepada TNB atau ST supaya ia dapat dihentikan terutamanya kepada pemilik yang menyewakan premis mereka," katanya menerusi sidang akhbar selepas operasi serbuan di sini semalam.

Jelas Ahmad Tazmin, seramai 50 anggota penguat kuasa terlibat dalam operasi yang dijalankan dengan kerjasama TNB, Majlis Perbandaran Sepang, Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Unit Komunikasi Korporat I Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 I Faks : 03-8889 4763 I Web : www.ketsa.gov.my

 KeTSAMalaysia  KeTSAMalaysia  ketsa.malaysia